

26 JUN 1996

Mohamed-Gerakan

GERAKAN WAJAR KAJI SEMULA KEPUTUSAN TERHADAP KONG, KATA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Parti Gerakan wajar mengkaji semula keputusannya untuk tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap naib-presidennya Datuk Kong Hong Ming yang gagal mematuhi kata sepakat Barisan Nasional (BN) berhubung pindaan undang-undang di Sabah baru-baru ini, kata Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat.

Langkah itu penting bagi menentukan supaya sebarang keputusan yang telah dibuat BN dipatuhi sepenuhnya oleh setiap anggota komponen, kata Mohamed yang juga Menteri Penerangan, kepada pemberita selepas mesyuarat Kabinet.

"Saya telah memberi pandangan saya tadi kepada (Menteri Perusahaan Utama dan Presiden Gerakan) Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan saya faham juga banyak komponen parti di Sabah amat dukacita sekali dengan keputusan yang dibuat oleh Gerakan dalam hal ini," katanya.

Selain melahirkan kesal terhadap Kong, anggota dewan undangan negeri Kudat, kerana tidak mengundi semasa pindaan Enakmen Hutan Sabah dibentangkan di dewan itu pada 17 Jun lepas, Gerakan membuat keputusan tidak akan mengenakan sebarang tindakan terhadap Kong.

Mohamed menyifatkan tindakan Kong sebagai tidak baik dan tidak menghayati semangat BN sedangkan kata sepakat telah dicapai sebelum dewan undangan negeri Sabah itu bersidang dan membuat pindaan terhadap lima rang undang-undang termasuk Enakmen Hutan itu.

Dalam soal pindaan lima undang-undang itu, katanya, tidak sepatutnya ada parti komponen yang tidak menyokong kerana "whip" telah digunakan.

"Saya tabik kepada parti Akar (Angkatan Keadilan Rakyat)...nampaknya mereka benar-benar telah menghayati konsep BN dan sanggup bertindak terhadap ahlinya yang tidak mematuhi arahan," katanya.

Akar telahpun memecat anggota dewan undangan negerinya yang dilantik, Jahid Jahim yang menentang pindaan rang undang-undang itu.

Ketika ditanya sama ada tindakan boleh diambil terhadap Gerakan dalam perkara itu, Mohamed berharap Gerakan akan membuat penjelasan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

"Penjelasan ini wajar kerana apa yang saya tahu Dr Lim selaku presiden Gerakan telah memberi pengakuan kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN serta juga telah membuat kenyataan terbuka mengenai sokongan Parti Gerakan terhadap lima pindaan undang-undang di Sabah itu," katanya.

Mohamed berkata beliau hairan walaupun pengakuan yang begitu jelas dibuat, Gerakan di Sabah nampaknya tidak menghormati dan mencabar keputusan Gerakan pusat. -- BERNAMA

AZZ NMO MAI